



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 14 FEBRUARI 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	ANGKASA ADA CARA SELESAI ISU TELUR KURANG, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN
2.	BUKA 60,000 HEKTAR TANAH TAMPUNG PERMINTAAN SAYUR TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -7	
3.	HARGA RM20 HINGGA RM30 SEKILOGRAM, DALAM NEGERI, UM -29	
4.	REBUNG MADU JADI 'PENYELAMAT' HARUMANIS, DALAM NEGERI, UM -32	
5.	MEMPELBAGAIKAN FUNGSI LABU DALAM BENTUK PES, SOS, GAYA PENDIDIKAN, UM -21	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



SEORANG lelaki menyusun bekalan telur yang diterima untuk diagihkan kepada peniaga. - GAMBAR FAIL

Kenal pasti lebih 300 penternak telur dalam koperasi

## Angkasa ada cara selesai isu telur kurang

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

**MELAKA** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menawarkan kerajaan ekosistem baharu yang dapat melumpuhkan sistem monopoli oleh kartel sedia ada, sekali gus menyelesaikan isu ketidakstabilan bekalan ayam dan telur.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya telah mengenal pasti lebih 300 penternak di dalam koperasi tersebut yang merupakan vendor kepada syarikat kartel.

Ujarnya, masalah ketidakstabilan bekalan timbul apabila

kesemua hasil ternakan itu telah dibeli oleh syarikat kartel untuk diagihkan kepada pembekal.

"Ikut rekod kita, pembekal pembekal (kartel) dia juga bekalkan ayam, makanan ayam dan beli balik ayam ditermak oleh penternak, itu yang jadi masalah kerana kalau mereka rasa nak naikkan harga makanan, dia akan naikkan.

"Jadi Angkasa cadangkan sebuah ekosistem baharu iaitu kesemua penternak ladang ini membekalkan terus bekalan ayam kepada lebih 3,000 rangkaian kedai runcit kita di seluruh negara, jangan bergantung kepada syarikat pengeluar utama yang sering mendatangkan

masalah," katanya ketika ditemui pemberita di Perindustrian Krubong, di sini semalam.

Tambahnya, sebagai badan yang turut menganggotai pertubuhan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik, Angkasa mempunyai rancangan dengan ribuan koperasi di seluruh dunia dan sudah mengenal pasti negara yang boleh bekerjasama.

Katanya, ia termasuklah bagi mendapatkan bekalan makanan ayam dan anak ayam.

Mengulas lanjut beliau berkata, pihak telah mengemukakan cadangan itu secara dasar kepada Menteri Pertanian dan Ke-terjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu bulan depan.

14/2/2023

UTUSAN

DALAM

7

MALAYSIA

NEGERI

# Bulka 60,000 hektar tanah tempung permintaan sayur tempatan

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**  
shofi.isa@mediamulla.com.my

**KUANTAN:** Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 60,000 hektar tanah pertanian bagi memastikan krisis agro makanan termasuk kekurangan bekalan sayur-sayuran yang berlaku ketika ini tidak berpanjangan.

Ketika ini Malaysia mempunyai kira-kira 24,000 hektar tanah pertanian yang diuruskan oleh lebih 6,000 petani dengan hasil tidak sampai satu juta tan metrik setahun, iaitu satu per tiga daripada keperluan bekalan dalam negara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Pertubuhan Pekebun-pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong berkata, Malaysia memerlukan pertambahan 36,000

“Dengan pertambahan 36,000 hektar tanah pertanian baharu ini, negara dapat mengurangkan kebergantungan kepada sayur-sayuran import sebanyak 70 peratus atau dua juta tan metrik setahun sekali gus menjimatkan wang negara.

“Sudah sampai masanya kerajaan memikirkan soal sekuriti agro makanan negara, sampai bila kerajaan hendak bergantung kepada sayur import? Negara sumber pun ada masalah seperti kita ekoran cuaca tidak menentu. Bila hasil kurang harga tentunya mahal.

“Mana-mana sayur-sayuran import yang boleh ditanam di Malaysia sepatutnya kita tanam sendiri. Halia misalnya 80 peratus import, cili 70 peratus, ubi kentang 100 peratus, brokoli dan lobak merah 100 peratus import. Semua ini kita boleh

tanam sendiri,” katanya di sini semalam.

Ee Mong berkata, menerusi pertambahan 36,000 hektar tanah pertanian baharu, ia bukannya sahaja mengurangkan kebergantungan kepada import malah dapat meningkatkan hasil sayur-sayuran negara sekali gus menstabilkan harganya di pasaran.

Beliau sehubungan itu meminta kerajaan baharu ketika ini mengubah atau menyemak semula dasar sedia ada bagi memastikan krisis bekalan sayur-sayuran tidak berpanjangan dan terus membebaskan rakyat.

Jelasnya, krisis agro makanan negara didakwa berlaku disebabkan oleh dasar kerajaan yang tidak mahu membuka tanah-tanah baharu untuk pertanian dan tanah-tanah terbiar tidak diusahakan sepenuhnya.

Beliau berkata, pembukaan tanah baharu untuk pertanian penting bagi meningkatkan sumber agro makanan negara termasuk sayur-sayuran yang sedang berdepan krisis kekurangan bekalan antara 30 ke 60 peratus pada ketika ini ekoran faktor cuaca.

Menurutnya, banyak negeri mempunyai tanah yang boleh dibuka untuk bidang pertanian termasuk di Cameron Highlands tapi ia ‘terhalang’ oleh dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan sendiri.

“Buka tanah baharu dan tanah-tanah terbiar sewakan kepada petani untuk kita usahakan sekali gus boleh meningkatkan sumber agro makanan termasuk sayur-sayuran. Daripada tanah terbiar begitu saja, apa hasil yang kita dapat,” soal Ee Mong.

**Sudah sampai masanya kerajaan memikirkan soal sekuriti agro makanan negara, sampai bila kerajaan hendak bergantung kepada sayur import? Negara sumber pun ada masalah seperti kita ekoran cuaca tidak menentu. Bila hasil kurang harga tentunya mahal.**

**CHAY EE MONG**

hektar tanah pertanian baharu bagi meningkatkan bekalan makanan negara khususnya sayur-sayuran.

Faktor cuaca jejasakan pengeluaran harumanis

# Harga RM20 hingga RM30 sekilogram

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**  
[utusannews@mediamulla.com.my](mailto:utusannews@mediamulla.com.my)

**KANGAR:** Harga mempelam harumanis diramal sekitar RM20 hingga RM30 sekilogram meskipun hasil buah berkenaan dijangka merosot musim ini disebabkan faktor cuaca tidak menentu sekali gus menjejaskan pertumbuhan bunga tanaman berkenaan.

Situasi hujan tidak menentukan sebelum ini menyebabkan kebanyakkan bunga tanaman mempelam harumanis luruh dan menjadi kehitaman sehingga membantutkan penghasilan buah berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, pihaknya menerima rungutan



**BUNGA mempelam harumanis akan kehitaman dan rosak akibat hujan dan bakal menyebabkan pengeluaran hasil buah berkurangan pada musim ini. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD**

beberapa pengusaha harumanis menyuarakan keresahan mereka dengan permasalahan itu.

“Pengeluaran harumanis dija-

ngka terjejas namun jumlah pengeluaran itu masih belum dapat dipastikan lagi.

“Situasi pengurangan hasil mempelam harumanis bagaimanapun tidak akan mendorong pengusaha memasarkan buah itu dengan harga mahal kepada pelanggan. Setakat ini, kita dapati pengusaha masih akan kekalkan dengan harga lama iaitu sekitar RM20 hingga RM30 sekilogram,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Pada 1 Februari lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan mengenai keresahan pengusaha harumanis di Perlis yang bimbang berdepan kerugian besar sekiranya hasil tanaman mereka rosak disebabkan faktor hujan berterusan.

Pengerusi Persatuan Pengusaha Harumanis negeri, Da-

tuk Hashim Suboh dilaporkan berkata, situasi taburan hujan yang tidak menentu sebelum ini bakal memberi kesan terhadap perkembangan bunga tanaman berkenaan.

Dalam pada itu, Razali yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Empat berkata, pihaknya juga sedang dalam usaha bagi mewujudkan kerjasama antara agensi-agensi berkaitan bersama institusi pengajian tinggi (IPT) di negeri ini untuk mengkaji tentang situasi permasalahan melibatkan tanaman mempelam harumanis.

Katanya, kajian antara pihak terlibat juga boleh dilaksanakan bagi melihat secara terperinci tentang potensi penanaman mempelam harumanis tanpa bermusim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



**RADZI** Din membersihkan kawasan kebun buluh madu miliknya sebagai persiapan menanti musim rebung tersebut pada Mei hingga September di Kampung Nesam, Bintong, Perlis. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

# Rebung madu jadi 'penyelamat' harumanis

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**  
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Pendapatan jualan buah mempelam harumanis yang tidak menentu mendorong seorang warga emas mengusahakan tanaman buluh madu untuk mendapatkan rebung-nya yang mampu dijual antara RM4,000 sehingga RM5,000 setiap musim.

Pengusaha rebung madu Perlis, Radzi Din, 72, berkata, musim rebung lazimnya dari Mei hingga September dan dalam tempoh tersebut dia mampu menjana pendapatan sampingan hasil jualannya kepada pelanggan di seluruh negara.

Katanya, kebun diusahakan itu mempunyai kira-kira 100 rumpun buluh madu yang dijaga baik dalam persekitaran

yang cantik.

Jelasnya, dia mengambil inisiatif mengusahakan tanaman buluh madu itu selepas pendapatan harumanis yang diusahakan tidak menentu selain terlalu ramai menanam pokok itu di negeri ini.

"Selain harumanis yang popular di Perlis, rebung madu Perlis juga tidak ketinggalan menjadi pilihan dan mendapat permintaan tinggi di seluruh negara.

"Musim rebung madu Perlis ini bakal bermula pada Mei hingga September setiap tahun dan mampu memberi pulangan lumayan sekitar RM4,000 hingga RM 5,000 semusim," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Nesam, Bintong di sini semalam.

Menurut Radzi, dia sentiasa memastikan rebung di kebun-

nya itu mempunyai kualiti agar pelanggan berpuas hati.

"Saya sentiasa melakukan persiapan awal dengan membersihkan pokok-pokok buluh ini daripada unggas dan binatang perosak lain.

"Tanaman yang diusahakan ini mengeluarkan hasil rebung yang banyak. Kelebihan dan keistimewaan buluh dan rebung jenis ini tiada miang dan memudahkan pengguna mengambil dan membersihkannya," katanya.

Katanya, dia membekalkan rebung madu kepada pelanggan tetap terdiri daripada penduduk setempat selain memenuhi permintaan pelanggan dari luar negeri ini.

"Kebanyakan rebung madu digunakan untuk masakan seperti acar, gulai dan lain-lain," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2023	UTUSAN MALAYSIA	GAYA PENDIDIKAN	21



SITI Nurhayati Khairatun menunjukkan pes dan sos pencicah labu yang dihasilkan dalam tiga perisa berbeza iaitu asli, keju serta pedas.

Oleh ROSALINDA MD.SAID  
rosalinda.said@mediamulia.com.my

**L**ABU manis atau *cucurbita moschata* sering terpinggir berbanding produk hiliran seperti cili dan tomato kerana fungsinya yang terhad.

Buah ini hanya dijadikan hidangan masak lemak di samping pencuci mulut seperti kuih bingka, koci dan lepat selain pengat.

Namun, inisiatif dua penyelidik dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) membolehkan fungsi labu manis dipelbagaikan sebagai pes makanan dan sos pencicah berjenama Sari Rasa.

Ketuanya, Dr. Siti Nurhayati Khairatun berkata, idea berkenaan tercetus berikutan tiada sebarang produk pes dan sos labu di pasaran, sedangkan labu tinggi khasiat dan mudah didapati.

“Tinjauan mendapati, satu daripada dua individu suka makan labu, tetapi sayuran ini kurang dipelbagaikan.”

“Keunikan pes dan sos labu ini ialah ia mudah digunakan, sedia dimakan dan sangat berkhasiat berbanding produk

## Mempelbagaikan fungsi labu dalam bentuk pes, sos

**“Tinjauan mendapati, satu daripada dua individu suka makan labu, tetapi sayuran ini kurang dipelbagaikan.”**



lain di pasaran yang tinggi kandungan gula dan garam,” katanya ketika ditemui, baru-baru ini. Labu mengandungi nutrien pemakanan baik seperti vitamin A, C dan E di samping kalsium, folat, karbohidrat, karotenoid, serat dan kalium.

Siti Nurhayati menjalankan penyelidikan produk berkenaan bersama Nur Nisaa Ahmad pada Mei 2021 hingga Disember 2022.

Katanya, selain untuk masakan, produk berjenama Sari Rasa itu boleh dijadikan sos

pencicah kentang goreng, sosej, burger, pizza dan sandwic.

Pes dan sos itu dihasilkan dalam tiga perisa berbeza iaitu asli, keju, dan pedas.

Ujarnya, formulasi terbaharu itu dibangunkan dengan teknologi *retort* yang berupaya memanjangkan jangka hayat produk dan memastikan kestabilan dalam suhu bilik.

### PINDAH TEKNOLOGI

Pelaksanaan projek berkenaan bertujuan memindahkan ilmu teknologi *retort* kepada golongan sasar ke arah mewujudkan produk berasaskan labu, di samping meningkatkan penanamannya.

Kata Siti Nurhayati, inisiatif berkenaan pada masa sama dapat menjadikan labu sebagai tanaman kontan yang ideal, sekali gus mewujudkan

peluang pekerjaan kepada masyarakat luar bandar.

“Projek ini dapat memberi manfaat ekonomi kepada petani berskala kecil dan masyarakat tempatan melalui penglibatan mereka dalam pengkomersilan produk.”

“Dari segi alam sekitar pula, penciptaan produk berasaskan labu ini dapat membantu negara yang bergelut dengan pembaziran sayuran berkenaan, seterusnya mengurangkan sisa serta jejak karbon,” katanya.

Siti Nurhayati berkata, kadar penanaman labu manis di negara ini masih rendah dan hanya diusahakan sebagai tanaman sampingan.

Katanya, berdasarkan laporan Jabatan Pertanian mendapati, hasil produk itu pada 2020 ialah 26,466 tan metrik, berbanding tomato (236,383 tan metrik) dan cili (30,307 tan metrik).